# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Penchen (Pindaan) 1971**

**DR.57/1971**

57 71

D. R. No. ~~56 71~~

# RANG UNDANG²

*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Penchen, 1951 untok mengadakan peruntokan berkenaan dengan persaraan atas sebab² kepentingan negara.

[*1hb Ogos, 1970.*]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

**1.** Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Penchen (Pindaan), 1971 dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula ber-kuatkuasa pada 1hb Ogos, 1970. Tajok ringkas dan mula berkuat-kuasa.

**2.** Ordinan Penchen, 1951, ada-lah dengan ini di-pinda mengikut chara yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini. Pindaan. *1/51.*

**3.** Ordinan No. 40 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 ada-lah dengan ini di-mansokhkan. Pemansokhan.

JADUAL

(*Pindaan bagi Ordinan Penchen, 1951*)

| Peruntokan | Jenis Pindaan |
|---|---|
| Sekshen 8 ... | (i) Gantikan koma bernokhtah bagi nokhtah yang terdapat di-hujong perenggan (*h*) sekshen-kechil (2) dan masokkan perkataan "or" sa-lepas sahaja koma bernokhtah itu; dan<br>(ii) masokkan sa-lepas sahaja perenggan (*h*) sekshen-kechil (2) perenggan baharu yang berikut—<br>"(i) on the ground of national interest.". |
| Sekshen 10 ... | (i) Gantikan koma bernokhtah bagi nokhtah yang terdapat di-hujong perenggan (*g*) dan masokkan perkataan "or" sa-lepas sahaja koma bernokhtah itu; dan<br>(ii) masokkan sa-lepas sahaja perenggan (*g*) perenggan baharu yang berikut—<br>"(*h*) on the ground of national interest.". |

## HURAIAN

Pada menjalankan kuasa²-nya di-bawah Perkara 150 (2) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan Ordinan No. 40 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 untok meminda Ordinan Penchen, 1951 bagi maksud membuat peruntokan² berkenaan dengan persaraan atas sebab² kepentingan negara.

Rang Undang² ini sa-mata² bertujuan untok memasokkan pindaan itu dalam suatu undang² yang kekal. [PN. (U²) 194.]

D.R. 57/71

PINDAAN KAPADA RANG UNDANG2 PENCHEN(PINDAAN)

Gantikan angka "1971" yang terdapat di-baris dua dalam Fasal 2 Rang Undang2 itu dengan angka "1972".

AMENDMENT TO PENSIONS(AMENDMENT) BILL

Substitute for the figures "1971" appearing in the second line in Clause 2 of the Bill the figures "1972".